

Kontena berisi barangan seludup dibawa masuk sindiket dari negara jiran

Rokok, arak RM2.64 juta dirampas

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KLANG – Sebanyak empat kontena berisi rokok dan arak seludup dianggarkan bernilai RM2.64 juta tidak termasuk cukai dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam satu pemeriksaan di Zon Bebas Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang di sini Jumaat lalu.

Ketua Pengarahnya, Datuk T. Subromaniam berkata, rampasan berkenaan dibuat selepas sepasukan anggota dan pegawai daripada JKDM Selangor serta JDKM Putrajaya melakukan pemeriksaan ke atas kontena terbabit kira-kira pukul 1.30 petang.

Menurutnya, siasatan awal mendapati kesemua kontena terbabit telah berada di kawasan Zon Bebas Pelabuhan Barat sejak awal bulan ini dan sindiket dipercayai menyeludup barang itu dari Singapura.

“Hasil pemeriksaan ke atas empat kontena tersebut menemui 32.7 juta batang rokok pelbagai jenama bernilai RM2.61 juta serta 18,240 tin minuman keras berharga RM30,096.

“Nilai keseluruhan cukai bagi rokok ada-

lah kira-kira RM20.95 juta manakala cukai bagi arak pula bernilai RM144,650.80,” katanya pada sidang akhbar di Wisma Kastam Selangor di Pulau Indah, Pelabuhan Klang di sini semalam.

Subromaniam menambah, sehingga semalam, tiada sebarang tangkapan dibuat dan siasatan lanjut masih dijalankan bagi mengesan pemilik kontena terbabit.

Kes itu disiasat mengikut Seksyen 135(1) (a) Akta Kastam 1967.

Dalam pada itu, Subromaniam menegaskan, bermula 1 April lalu, JKDM telah melaksanakan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2017 dengan menyaratkan barangan berasaskan rokok dan minuman keras perlu mendapatkan Lesen Import.

“Semua pengimport rokok dan arak perlu mendapatkan Lesen Import semasa mengimport barangan itu ke Malaysia atau ketika transit di semua kawasan zon bebas di seluruh negara.

“Jika gagal berbuat demikian, semua rokok dan minuman keras yang berada di zon bebas seluruh negara boleh dikenakan tindakan dan dirampas,” ujarnya.



SUBROMANIAM (tengah) menunjukkan sebahagian rokok seludup yang dirampas pada sidang akhbar di Wisma Kastam Selangor di Pulau Indah, Pelabuhan Klang semalam.